

Misi Nasional berjaya jika moral cemerlang – PM

um. # 1/4/2007.

KUALA LUMPUR 31 Mac – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, tanpa kecemerlangan moral mereka yang terbabit dalam menjayakan Misi Nasional akan menyebabkan usaha murni itu terbantut.

Perdana Menteri berkata, walaupun Misi Nasional merangkumi lima teras utama, tetapi ia hanya dapat direalisasikan dengan penglibatan semua lapisan rakyat yang memiliki moral cemerlang.

“Insan yang cemerlang ialah mereka yang cemerlang akhlakunya dan berupaya meng-

hindari apa jua gejala rasuah, mempunyai integriti yang membolehkan kita mencapai Misi Nasional dan menjadikan ummah serta negara ke tahap yang terbilang,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam buku cenderamata Majlis Sambutan Maulidur Rasul s.a.w Peringkat Kebangsaan 1428 Hijrah/2007 yang disambut di Stadium Putra, Bukit Jalil di sini hari ini.

Menurut Abdullah, Rasulullah s.a.w diutus sebagai penyempurna akhlak yang mulia. “Perlu kita sedari bahawa semua ibadat

yang diperintahkan oleh Allah bertujuan untuk membina akhlak yang mulia lagi cemerlang,” ujar Perdana Menteri.

Dalam hal itu, ibadat khusus seperti solat umpamanya didirikan untuk mencegah perbuatan keji dan mungkar, tambah beliau.

Akhlak

Puasa pula katanya, untuk mencegah daripada melakukan perbuatan-perbuatan di luar batas akhlak seperti memfitnah atau

berdusta.

“Ringkasnya misi Rasulullah s.a.w ialah misi moral yang besar kerana akhlak yang buruk boleh merosakkan amal kita dan menggagalkan umat dan seterusnya negara,” jelasnya.

Sehubungan itu, sempena dengan sambutan Maulidur Rasul kali ini, Abdullah mahu rakyat bersama-sama berazam dan memupuk suasana yang menjurus kepada kecemerlangan insan demi memastikan ummah yang terbilang.